SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Sem 1 Kedah (Gempur)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT*

Nama:..... Kelas:.....

900/1 STPM 2023

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

(DUA JAM)

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI STPM
SEMESTER 1
(GEMPUR KEDAH)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(Malaysia Higher School Certificate)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian B. Tulis jawapan pada ruangan yang telah disediakan.*

Jawab **dua** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan tetapi hanya* **dua** *jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Tulis jawapan anda pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada halaman baharu helaian jawapan.

Susun jawapan mengikut tertib berangka dan ikat helaian jawapan anda.

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1-15	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
20	
21	
22	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak.

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Malaysia dikatakan sebuah negara berdaulat yang berwibawa kerana

A mempunyai kepelbagaian parti politik
B mempunyai Perlembagaan Persekutuan
C mempunyai kuasa membuat keputusan sendiri
D mempunyai hubungan diplomatik dengan negara lain

2 Yang manakah benar mengenai konsep ketertinggian Perlembagaan?

I Menjadi punca kepada semua undang-undang
II Parlimen berkuasa membatalkan undang-undang
III Badan kehakiman bertanggungjawab menjaga keluhuran Perlembagaan
IV Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk mengesahkan undang-undang

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

3 Yang manakah sumber hasil yang diserahkan kepada negeri?

I Hasil Majlis Perbandaran
II Hasil daripada hutan
III Hasil cukai syarikat
IV Hasil duti setem

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

4 Yang manakah antara berikut layak menjadi pengundi awal?

A Petugas media
B Pesakit yang terlantar di hospital
C Pelajar yang menuntut di luar negara
D Pasangan kepada anggota Pasukan Gerakan Am

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

16 Nyatakan **tiga** fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya. [3]

(a) _____

(b) _____

(c) _____

17 Nyatakan **empat** hak kebebasan beragama bagi rakyat Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan. [4]

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

18 Jelaskan **dua** majlis yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. [4]

(a) _____

_____

(b) _____

_____

19 Nyatakan **empat** faktor yang mempengaruhi kestabilan politik negara. [4]

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

Bahagian C [50 *markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20 Perlembagaan Persekutuan sangat penting kepada rakyat Malaysia. Jelaskan.

21 Tadbir urus baik penting kepada negara. Jelaskan.

22 Usaha mengukuhkan perpaduan di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran. Jelaskan.

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

14	Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam memodenkan sektor kesihatan?	
	A	**Kos yang tinggi**
	B	Kerenah birokrasi
	C	Kekurangan kepakaran
	D	Kemudahan yang usang

15	Yang manakah benar tentang langkah individu untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam penyalahgunaan dadah?	
	A	Meningkatkan kemahiran interpersonal
	B	Menguatkuasakan undang-undang
	C	Mengadakan kempen kesedaran
	D	**Mengamalkan gaya hidup sihat**

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

16	Nyatakan **tiga** fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya. [3]	
	(a)	_____
	(b)	_____
	(c)	_____

Skema Jawapan	
Bil	**Jawapan**
1.	Membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri
2	Menjalankan urusan pendaftaran pemilih
3	Menjalankan semakan daftar pemilih
4	Menjalankan pilihan raya umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
5	Menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.
Mana-mana **tiga** idea	

17	Nyatakan **empat** hak kebebasan beragama bagi rakyat Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan. [4]	
	(a)	_____
	(b)	_____
	(c)	_____
	(d)	_____

Skema Jawapan	
Bil	**Jawapan**
1.	Berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing
2	Tidak boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diperuntukkan kepada agama lain selain agamanya
3	Tiap-tiap kumpulan agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri
4	Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama dan khairat
5	Tiap-tiap kumpulan agama berhak memperoleh/ mempunyai harta/ mentadbir harta mengikut undang-undang
6	Undang-undang Persekutuan boleh mengawal/ menyekat pengembangan apa-apa doktrin/ kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam
Mana-mana **empat** idea	

Bahagian C [25 *markah*]

Pilih **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20	Perlembagaan Persekutuan sangat penting kepada rakyat Malaysia. Jelaskan.

Perlembagaan ialah sumber undang-undang tertinggi negara dan menjadi panduan kepada semua pihak. Perlembagaan Persekutuan penting kepada rakyat Malaysia.

Bil.	Idea/ Isi	Huraian
1	Menjamin keselamatan	• Berhak memperoleh perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang • Rakyat hidup dalam keadaan yang selamat dan sejahtera
2	Melindungi hak asasi	• Bebas mengeluarkan pendapat selagi menurut undang-undang • Berhak terhadap hartanya • Berhak terhadap kebebasan diri
3	Mengukuhkan perpaduan	• Melindungi kepentingan semua kaum • Menjamin keadilan sosial antara kaum
4	Berpeluang memilih pemimpin/ wakil rakyat	• Diberi hak mengundi seawal usia 18 tahun • Dapat mendidik mereka supaya lebih matang dalam memilih kepimpinan negara demi masa hadapan
5	Menjamin perkembangan ekonomi negara	• Perlembagaan menjamin tadbir urus negara yang baik ke arah iklim ekonomi yang berdaya saing • Hak peluang pendidikan dan pekerjaan dapat memajukan ekonomi domestik
6	Mengekalkan hak keistimewaan bumiputera	• Hak golongan bumiputera terpelihara • Hak memperoleh jawatan dalam perkhidmatan awam dan mendapat biasiswa
7	Meningkatkan taraf hidup rakyat	• Kehidupan rakyat lebih makmur • Pengagihan ekonomi secara lebih adil
8	Mewujudkan keadilan sosial	• Berhak mendapat pendidikan • Seseorang itu tidak boleh menyuarakan isu sensitif yang menggugat mana-mana kaum • Isu berkaitan Bahasa Kebangsaan dan agama Islam tidak boleh dimanipulasikan untuk kepentingan mana-mana pihak

Kesimpulannya, Perlembagaan Malaysia penting kepada setiap rakyat. Setiap individu hendaklah memahami dan menguasai sejarah pembentukan Perlembagaan Malaysia serta mengambil iktibar daripadanya.

Mana-mana 5 idea

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar